



JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA,
JALAN DATO' ONN
KUALA LUMPUR.

Telefon: 203722

Kawat: PERDANA

Ruj. Kami: PM.18114/1

Tarikh: 30 Jun 1981

SURAT PEKELILING AM HILANGAN 4 TAHUN 1981

Ketua Setiausaha - Ketua Setiausaha Kementerian,
Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan,
YB. Setiausaha - Setiausaha Kerajaan Negeri
Semenenjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

PENUBUHAN PUSAT PENYELARASAN KHIDMAT KONTRAKTOR-KONTRAKTOR
BUMIPUTRA (PUSAKABUMI), JABATAN PERDANA MENTERI

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah menubuhkan satu unit baru di Jabatan Perdana Menteri yang bernama Pusat Penyelarasan Khidmat Kontraktor-kontraktor Bumiputra (PUSAKABUMI).

2. Pusat ini merupakan sebuah 'one stop agency' di mana kontraktor-kontraktor Bumiputra dapat mengemukakan masalah-masalah mereka untuk diselesaikan. Justeru Pusat ini telah diberi tanggungjawab untuk:

- (a) mengumpul, memproses dan memberikan maklumat-maklumat penting mengenai kerja-kerja kontrak, pembekal-pembekal barang binaan, program-program latihan dan sebagainya kepada pemborong-pemborong Bumiputra;
- (b) memberi bantuan-bantuan segera dalam menghadapi masalah-masalah harian yang menyebabkan kesulitan kepada pemborong-pemborong Bumiputra dan menghalang kemajuan mereka;
- (c) menyelaras kerja-kerja dan peraturan-peraturan mengenai pendaftaran, pembayaran kemajuan kerja, peminjaman modal, pemberian latihan dan lain-lain yang dijalankan oleh berbagai-bagai agensi supaya dapat dipermudah dan dilicinkan lagi.

3. Dalam menjalankan tanggungjawab di atas, Pusat ini akan memerlukan kerjasama yang penuh daripada semua Kementerian-Kementerian, Jabatan-jabatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan juga pihak swasta. Oleh itu, semua Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun terutamanya mereka yang terlibat secara langsung dengan kontraktor-kontraktor Bumiputra adalah diminta untuk memberikan kerjasama yang penuh kepada Pusat ini dengan mengambil tindakan yang segera terhadap apa jua perkara yang dibangkitkan atau dirujuk oleh Pusat ini kepada mereka. Ini adalah perlu bagi membolehkan Pusat ini menjalankan tugas-tugasnya dengan lebih berkesan.

4. Adalah menjadi tujuan Kerajaan bahawa dengan tertubuhnya Pusat Penyelarasan Khidmat Kontraktor-kontraktor Bumiputra (PUSAKABUMI) ini, segala masalah-masalah yang dihadapi oleh kontraktor-kontraktor Bumiputra akan dapat diatasi dengan segera dan dengan itu Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun adalah diminta untuk memastikan bahawa pegawai-pegawai mereka akan memberi layanan yang sewajarnya kepada Pusat ini.

5. Semua pertanyaan berhubung dengan tugas-tugas PUSAKABUMI ini bolehlah dirujuk kepada:

Pengarah,
Pusat Penyelarasan Khidmat Kontraktor-kontraktor
Bumiputra (PUSAKABUMI),
Jabatan Perdana Menteri,
Tingkat Bawah, Bukit Bintang Plaza,
Jalan Bukit Bintang,
KUALA LUMPUR.

Tel: 416011/416050/416167/416261/416380/
416398/416437/416457/416570/416596.

6. Buat sementara ini perkhidmatan PUSAKABUMI ini adalah meliputi Semenanjung Malaysia sahaja.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI HASHIM BIN AMAN)
Ketua Setiausaha Negara